

EDISI 10

JUN 2023

BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN




Program Kasih Ramadan 2023

NORHAFIZAH HASHIM, ROSNANI ABDULLAH, NOORADILLA ABU HASAN & NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH


UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

Program Kasih Ramadan 2023 telah berjaya dilaksanakan pada 6 April 2023 bersamaan 15 Ramadhan 1444H. Program tersebut adalah anjuran kerjasama di antara Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik (PSPM), Persatuan Computing Society (ComSoc) dan juga PEWANI di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Seremban. Tonggak utama program ini adalah Puan Rosnani dan Dr Nooradilla bersama beberapa ahli jawatankuasa kecil daripada persatuan ComSoc dan staf akademik PSPM.

Terdapat tiga aktiviti yang dijalankan sepanjang Program Kasih Ramadan 2023 ini. Pertama, program Ceramah Kasih Ramadhan yang diadakan pada 6 April 2023 yang telah disampaikan oleh Ustaz Hisam Satari daripada ACIS Kampus Seremban berkaitan bulan Ramadhan seperti peristiwa dalam Ramadhan, perkara-perkara yang membatalkan puasa serta isu-isu yang biasa timbul pada bulan Ramadhan. Lebih daripada 60 pelajar telah hadir ke sesi pengisian rohani ini. Program ceramah ini juga turut dihadiri oleh staf-staf di kampus ini. Carta Rajah 1 berikut menunjukkan pecahan pelajar yang hadir. Program tersebut juga mendapat sambutan yang sangat baik daripada para peserta. Ini terbukti melalui soal selidik yang telah dijawab seperti Rajah 2 yang menunjukkan pendapat peserta berkaitan pengisian program tersebut.



Rajah 1: Peratus kehadiran pelajar berdasarkan borang kehadiran



Rajah 2: Peratusan Pendapat Peserta Terhadap Program Ceramah

Program kedua adalah sumbangan iftar kepada pelajar siswa dan siswi PSPM yang telah dilaksanakan pada 6 dan 10 April 2023 manakala program ketiga pula adalah program sumbangan berbentuk wang tunai kepada Maahad Tahfiz Al-Quran Baitul Musthofa, Ampangan. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Puan Rosnani dan Dr Nooradilla kepada wakil maahad pada 7 April 2023. Program yang ketiga ini merupakan program khidmat masyarakat oleh PSPM.

Sebelum program-program ini berlangsung, kutipan dana telah berjalan selama seminggu dengan menyasarkan sumbangan daripada staf akademik PSPM Kampus Seremban. Sebanyak RM 2623.00 telah berjaya dikutip dan telah dimanfaatkan untuk ketiga-tiga program tersebut. Rajah 3 adalah gambar-gambar sepanjang program Kasih Ramadan ini berlangsung.



Rajah 3 : Gambar-gambar sekitar program Kasih Ramadan 2023

Sebagai kesimpulan, amalan yang baik perlu diteruskan terutama di bulan Ramadhan yang banyak ganjarannya. Allah Ta'ala berfirman "Kecuali amalan puasa. Amalan puasa tersebut adalah untukKu. Aku sendiri yang akan membalasnya. Disebabkan dia telah meninggalkan syahwat dan makanan keranaKu. Orang yang berpuasa akan mendapatkan dua kebahagiaan iaitu kebahagiaan ketika dia berbuka dan kebahagiaan ketika berjumpa dengan Rabbnya. Sungguh bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada bau minyak kasturi." (H.R. Bukhari)

Di dalam bulan Ramadhan, amalan seperti bersedekah, majlis - majlis ilmu dan memberi makanan kepada orang berbuka amatlah tinggi pahalanya. Program ini tidak akan berjaya tanpa komitmen semua pihak terutama ahli jawatankuasa program. Untuk tahun yang mendatang, program seperti ini diharap akan mendapat sambutan yang luar biasa terutama dari pensyarah dan pelajar PSPM. Moga amalan baik yang kita kerjakan mendapat keredhaan Allah S.W.T.